



18 SEP, 2026

Perluas subsidi elektrik sehingga 800kWj

Sinar Harian, Malaysia



Had subsidi elektrik dinaikkan kepada 800kWj

Mukasurat 6

KERAJAAN memutuskan menambah baik subsidi bil elektrik untuk rakyat dengan memperluaskan tahap perlindungan daripada 600kWj kepada 800kWj sebulan berkuat kuasa bagi penggunaan elektrik mulai September hingga 31 Disember 2026.

Perdana Menteri, Datuk

Seri Anwar Ibrahim berkata, melalui langkah ini, pengguna domestik yang menggunakan elektrik sehingga 800kWj sebulan akan diberikan perlindungan melibatkan pengecualian Pelarasan Kos Bahan Api Automatik, Caj Peruncitan dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan.



18 SEP, 2026

Perluas subsidi elektrik sehingga 800kWj

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

Perluas subsidi elektrik sehingga 800kWj

Berkuat kuasa bagi penggunaan elektrik mulai September hingga 31 Disember 2026

SHAH ALAM - Kerajaan memutuskan untuk menambah baik subsidi bil elektrik untuk rakyat dengan memperluaskan tahap perlindungan daripada 600 Kilowatt jam (kWj) kepada 800kWj sebulan berkuat kuasa bagi penggunaan elektrik mulai September hingga 31 Disember 2026.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah berkenaan diambil sebagai tindakan segera bagi menangani tekanan hidup rakyat ketika ini.

"Melalui langkah ini, pengguna domestik yang menggunakan elektrik sehingga 800kWj sebulan akan diberikan perlindungan melibatkan pengecualian Pelarasan Kos Bahan Api Automatik (AFA), Caj Peruncitan serta Cukai Jualan dan Perkhidmatan.

"Sekalung penghargaan khususnya kepada pihak TNB (Tenaga Nasional Berhad), PETRA (Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air) dan Suruhanjaya Tenaga (ST) atas peranan mereka dalam memungkinkan langkah ini diambil dalam kadar segera," katanya.

Beliau menjelaskan, keadaan jerebu serta cuaca yang lebih panas sejak kebelakangan ini mendorong peningkatan penggunaan elektrik dalam kalangan sebahagian isi rumah, menyebabkan penggunaan bulanan mereka melepasi paras 600kWj dan mendorong kenaikan bil yang luar biasa.

"Justeru, Kerajaan Madani akan terus memantau rapi perkembangan kos bahan



Anwar (tengah) bersama Fadillah (kanan) dan Amir Hamzah ketika mesyuarat khas berkaitan elektrik pada Khamis.



api dan keadaan pasaran tenaga semasa bagi memastikan sebarang keputusan berkaitan tarif elektrik mengambil kira keseimbangan antara kemampuan dan beban hidup rakyat, keterjaminan bekalan elektrik dan kemampunan sektor tenaga negara," ujar beliau.

Terdahulu, Anwar mempengerusikan mesyuarat khas berkaitan isu elektrik yang berlangsung di Bangunan Perbendaharaan Putrajaya pada Khamis.

Mesyuarat tersebut turut disertai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan bersama pengurusan tertinggi Kementerian

Kewangan, pengurusan kanan TNB dan ST.

Mesyuarat berkenaan menjadi perhatian susulan kebimbangan pengguna terhadap peningkatan bil elektrik, khususnya membabitkan penggunaan elektrik yang tinggi serta pelaksanaan AFA.

Pada Rabu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, sekitar 80 peratus pengguna domestik yang menggunakan elektrik tidak melebihi 600kWj sebulan kekal dilindungi dan tidak terkesan dengan kenaikan kadar susulan peningkatan kos bahan api tahun ini.

Keresahan rakyat mengenai bil elektrik kecoh di media sosial yang didakwa melambung tinggi sejak beberapa bulan kebelakangan ini.